

**MENKAKAJI CORAK PENGURUSAN MASA : KAITANNYA DENGAN
PRESTASI AKADEMIK DAN PERIBADI PELAJAR**

ARIFAH BT MOHD TAIB

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2001

Teristimewa buat keluarga tersayang
Ayah, Mohd Taib Bin Hamzah dan mak, Esah Bt Idris,
Abang dan kakak-kakak serta teman seperjuangan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadirat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya maka saya berjaya menyiapkan projek dan tesis ini. Selawat dan salam jua ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SWA, kaum keluarga serta sahabat handai baginda.

Di kesempatan ini, saya ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada En. Khairul Azman B. Hj Mohd Suhaimy selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberi panduan, pandangan serta tunjuk ajar sama ada secara langsung mahupun tidak dalam usaha saya menyiapkan projek ini. Segala idea dan pertolongan beliau amat dihargai.

Tidak dilupakan juga kepada kaum keluarga terutama mak, ayah, abang dan kakak-kakak atas segala pengorbanan dan pengertian yang diberikan serta dorongan yang menguatkan semangat saya untuk terus berusaha tanpa putus asa. Selamanya tidak dilupakan.

Terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman seperjuangan atas pandangan, pendapat, bantuan serta sokongan moral yang telah diberikan sepanjang usaha saya menyiapkan projek ini. Jasa kalian hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Semoga kejayaan milik kita bersama. Insyallah.

Akhirnya, semoga apa yang terkandung di dalam tesis ini akan dapat dijadikan panduan dan dimanfaatkan sebaiknya kepada sekalian pelajar serta kepada sesiapa yang memerlukan. Sekian.

ABSTRAK

Projek ini bertujuan mengkaji corak pengurusan masa : perkaitannya dengan prestasi akademik dan peribadi pelajar merupakan sasaran penyelidikan ini. Penyelidikan ini mengkaji perkaitan di antara corak pengurusan masa dengan pencapaian pelajar dalam akademik serta pengaruh pembinaan peribadi atau sikap pelajar terhadap pembentukan corak pengurusan masa mereka. Pelajar seringkali menghadapi masalah yang berkaitan dengan pengurusan masa yang sempurna. Lantaran itu penyelidik cuba mencari satu penyelesaian bagi masalah ini menerusi kajian yang dilakukan. Jadual waktu merupakan satu pendekatan yang boleh dipraktikkan supaya masa dapat diatur dengan bersistematik. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data. Daripada dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, corak pengurusan masa bagi seseorang pelajar lebih menekankan kepada sikap, peribadi serta sahsiah diri mereka sendiri dalam memastikan keberkesanan pengurusan masa. Berdasarkan kepada hasil kajian penyelidik mendapati kebijaksanaan pelajar mengatur rancangan pembelajaran serta kesungguhan mereka dalam melaksanakan apa yang telah dirancang yang menjadikan mereka seorang pelajar yang cemerlang dan berjaya dalam akademik.

ABSTRACT

The purpose of this project is to study about time management. The relation between the education achievements and the student attitude is the point of this study. This is to develop the relation between the time management and the student achievement in academic with the authority of the student attitude through the their time management student often encounter time management problems. To handle this problem, researcher try to find a new formula to solve the problem through this study. Time table is one of the answer to make sure time can be arrange in systematic. Throughout this study, the effective time management is focus on behavior, attitude of the student what ever they make sure they manage their time effectively. Based on the study, some intelligent student that wisely follow their time table and try to implement what they had plan going to be a genius student in academic.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJKU AMINAH

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Skop Kajian	7
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Andaian Dan Batasan	8
	1.9 Definisi Istilah	9

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Teknik Pengurusan Masa Berkesan	15
2.3	Teknik Belajar Berkesan	16
2.3.1	Teknik Belajar 5R-STUV	18
2.3.2	Teknik Belajar Secara Berpembayangan	19
2.3.3	Teknik Belajar PV3R	19
2.4	Tanggungjawab Pelajar	23

BAB 3 METADOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Sampel Kajian	26
3.4	Instrumen Kajian	27
3.5	Prosedur Analisis Data	29
3.6	Jangkamasa Kajian	30

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	31
4.2	Ciri-ciri Demografi Responden	31
4.2.1	Jantina	32
4.2.2	Tempat Tinggal	33
4.2.3	Kedudukan CPA	34

4.3	Perkaitan Di antara Corak Pengurusan Masa Dengan Prestasi Akademik	35
4.3.1	Pengurusan Masa Di waktu Pagi	35
4.3.2	Pengurusan Masa Di waktu Petang	37
4.3.3	Pengurusan Masa Di waktu Malam	38
4.3.4	Pengurusan Masa Secara Umum	39
4.4	Pengaruh Sikap Terhadap Corak Pengurusan Masa	43
4.4.1	Komitmen Pelajar	44
4.4.2	Disiplin Pelajar	45
4.4.3	Rajin	46
4.4.4	Kerjasama	47

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	48
5.2	Perbincangan	49
5.2.1	Corak Pengurusan Masa Harian	49
5.2.2	Hubungan Di antara Corak Pengurusan Masa Dengan Prestasi Akademik	52
5.2.3	Kaitan Sahsia Diri Terhadap Pembentukan Satu Corak Pengurusan Masa	55
5.3	Rumusan	58
5.4	Cadangan	59
5.5	Sistem Berjadual	60
5.5.1	Jadual Masa	61
5.5.2	Jadual Perancangan Harian	62
5.5.3	Jadual Perancangan Mingguan	62
5.6	Penutup	64

BIBLIOGRAFI	65
LAMPIRAN	
LAMPIRAN A	67
LAMPIRAN B	73
LAMPIRAN C	76



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tafsiran Skala Likert	28
3.2	Tafsiran Statistik Diskriptif	29
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	32
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar	33
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Kedudukan CPA	34
4.4	Gaya Belajar Yang Diamalkan Pelajar	35
4.5	Tempoh Masa Yang Dipilih Untuk Mengulangkaji	36
4.6	Aktiviti Akademik	37
4.7	Aktiviti Bukan Akademik	37
4.8	Aktiviti Berbentuk Akademik	38
4.9	Aktiviti Bukan Akademik	38
4.10	Corak Belajar	39
4.11	Waktu Belajar	39
4.12	Masalah Pelajar	40
4.13	Sikap Pelajar	41
4.14	Aktiviti Persatuan Atau Kelab	42
4.15	Komitmen Pelajar	44
4.16	Disiplin Pelajar	45
4.17	Kerajinan Pelajar	46
4.18	Kerjasama Kumpulan	47
5.1	Corak Pengurusan Masa Harian Pelajar	51
5.2	Jadual Keutamaan Kerja	59
5.3	Jadual Masa	61
5.4	Jadual Perancangan Harian	62
5.5	Jadual Perancangan Mingguan	62

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Taburan Jantina Responden	32
4.2	Taburan Bagi Tempat Tinggal Responden	33
4.3	Taburan Responden Bagi Kedudukan CPA	34



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	67
LAMPIRAN B	Analisis Statistik Diskriptif	73
LAMPIRAN C	Reliability Analysis	76



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masa merupakan suatu perkara yang penting di dalam kehidupan kita yang harus dititikberatkan dan diberi perhatian yang utama jika seseorang itu mahu berjaya.

Pengurusan masa yang sempurna akan dapat membantu seseorang individu itu menjalani kehidupan dengan lebih lancar dan teratur sepertimana takrifan yang telah diberikan oleh Syed Hasan Alatas (2002). Beliau menyatakan bahawa pengurusan masa ialah perihal mengurus masa (waktu) dengan sebaik mungkin, sehingga masa (waktu) itu memberi manfaat bagi semua pihak.

Kepentingan pengurusan masa melibatkan segala aspek kehidupan manusia. Ia bukan sahaja penting dalam proses pembelajaran bagi seseorang pelajar. Malahan dalam pengurusan kehidupan seharian seperti aktiviti-aktiviti riadah, kerja-kerja rumah, rutin harian dan sebagainya. Adalah jelas di sini bahawa masa memainkan peranan yang penting dalam arus penghidupan manusia. Terdapat sesetengah golongan yang

berpendapat bahawa masa dapat menentukan sesuatu perkara. Masa menjadikan manusia itu lebih matang dari segi perilaku dan juga pemikiran.

Kehidupan manusia sentiasa dikaitkan dengan suatu bentuk waktu. Lantaran itu, masa perlu diurus dengan betul agar ia dapat digunakan dengan sepenuhnya. Masa yang digunakan dengan cara yang teratur dan dirancang dengan tepat akan mendatangkan banyak manfaat dan faedah kepada diri individu itu sendiri. Individu yang menggunakan masanya dengan melakukan kerja-kerja yang berfaedah akan mendatangkan hasil yang banyak.

Sekiranya seseorang individu itu salah dalam menguruskan masa bererti bahawa masa yang ada pada dirinya itu akan terbuang dengan sia-sia. Individu itu tidak akan melakukan kerja-kerja yang berguna yang mendatangkan faedah bukan sahaja kepada dirinya malah kepada masyarakat jua. Penghidupan yang dijalannya itu adalah membazir semata-mata. Ini bermakna individu itu akan membuang masa hidupnya di dunia begitu saja.

Apabila aspek pengurusan masa dapat disusun dengan baik serta bersistematik, maka semua perancangan yang diatur sama ada perancangan yang melibatkan aspek akademik ataupun bukan akademik akan lebih mudah dilaksanakan dan dengan itu apa jua matlamat yang ingin dicapai akan dapat dipenuhi tanpa melibatkan banyak masalah.

Pengurusan masa yang baik adalah penting kerana masa adalah merupakan sesuatu yang amat berharga serta mempunyai nilai yang tinggi. Ini kerana masa yang telah digunakan untuk perkara yang tidak memberi manfaat serta perkara yang sia-sia akan menyebabkan kita berada dalam kerugian. Dr. Tengku Asmadi (1999) menyatakan masa bukanlah emas sebab masa tidak boleh dijual beli seperti emas. Masa sebenarnya ialah degupan jantung kita, masa adalah nyawa dan kehidupan kita.

Demikian pentingnya masa kepada kita. Oleh itu, kita perlulah bijak menggunakan masa yang ada dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah supaya matlamat dan cita-cita yang ingin dicapai terlaksana dengan jayanya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sebagai seorang pelajar, pengurusan masa yang sistematik harus diberi perhatian serta dilaksanakan dalam kehidupan seharian mereka. Ini bagi memastikan perjalanan hidup menjadi lebih sempurna dan teratur. Para pelajar umumnya dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab. Terdapat pelbagai aktiviti yang harus dan mahu dilakukan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka.

Antara aktiviti yang melibatkan akademik adalah seperti mengulangkaji pelajaran, melakukan tugas, membuat tutorial dan sebagainya. Selain itu terdapat aktiviti-aktiviti lain yang bukan berbentuk akademik seperti beriadah, bersosial, melakukan aktiviti kelab atau persatuan dan bermacam-macam lagi. Lantaran itu pelajar perlu ada kemahiran pengurusan masa yang baik untuk membolehkan mereka menyeimbangkan antara aktiviti akademik dengan aktiviti luar agar prestasi akademik mereka tidak terjejas.

Atas kesedaran betapa pentingnya pengurusan masa yang sempurna, penyelidik cuba mencari satu teknik pengurusan masa yang baik untuk dipraktikkan oleh pelajar bagi membantu mereka meningkatkan prestasi akademik mereka yang dapat diperbaiki menenusi kemahiran pengurusan masa yang sistematik. Melalui kajian ini penyelidik cuba mengkaji pengaruh corak atau bentuk pengurusan masa terhadap pencapaian akademik pelajar. Corak pengurusan masa pelajar ini dilihat berdasarkan kepada tahap pencapaian akademik mereka.

Prestasi akademik pelajar berkait rapat dengan komitmen diri pelajar tersebut terhadap proses pembelajaran yang diamalkan oleh mereka. Kejayaan proses pembelajaran yang mereka amalkan banyak bergantung kepada sifat serta sahsiah diri pelajar itu sendiri seperti sifat rajin, berdisiplin, mahu berusaha, cekal dan tekun. Selain itu kemahiran pengurusan masa atau perancangan aktiviti harian juga turut mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar.

Masalah yang timbul di sini ialah pelajar tidak mampu untuk menguruskan masa mereka dengan seimbang. Dalam usaha untuk menguruskan masa dengan efektif, perancangan adalah amat penting. Jika seseorang itu gagal merancang, ia sebenarnya merancang untuk gagal (Roy Pernet, 1989). Pelajar perlu bijak membuat perancangan supaya aktiviti harian mereka berjalan dengan lancar. Namun demikian, kejayaan perancangan tersebut banyak bergantung kepada sejauhmana kesungguhan pelajar menurut perancangan yang telah dibuat di samping pengurusan masa yang sistematik.

Satu teknik pengurusan masa yang berkesan adalah perlu bagi pelajar supaya aktiviti pembelajaran seimbang dengan aktiviti di luar kuliah. Berdasarkan perkara tersebut, matlamat kajian ini adalah untuk menyediakan satu bentuk pengurusan masa yang sistematik dan berkesan yang sesuai serta boleh diikuti oleh pelajar.

Corak pengurusan masa yang menjadi amalan pelajar adalah merupakan antara faktor yang boleh mempengaruhi prestasi akademik mereka. Pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik serta cemerlang umumnya mempunyai satu teknik pengurusan masa yang sistematik, teratur dan tersusun misalnya sistem berjadual. Berbeza dengan pelajar yang kurang cemerlang, mereka tiada teknik pengurusan masa yang tertentu untuk diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Aktiviti pembelajaran dan aktiviti luar dilakukan tanpa menetapkan sebarang peruntukan masa bagi setiap aktiviti yang mereka lakukan.

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji perkaitan di antara corak pengurusan masa dengan prestasi akademik pelajar. Tahap pencapaian pelajar secara tidak langsung bergantung kepada corak pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar tersebut. Dalam kajian ini juga penyelidik turut mengkaji pengaruh sikap serta peribadi pelajar terhadap corak pengurusan masa pelajar. Ini kerana corak pengurusan masa yang berkesan banyak bergantung kepada sikap dan peribadi pelajar itu sendiri dalam melaksanakan perancangan yang telah dibuat.

1.3 **Penyataan Masalah**

Kemahiran pengurusan masa yang sempurna adalah merupakan suatu perkara yang amat penting bagi menjamin sesuatu perancangan berjaya mencapai matlamatnya seperti yang dikehendaki. Kegagalan dari segi pengurusan masa akan menyebabkan apa yang mahu dilakukan tidak dapat dilaksanakan dengan baik atau mungkin akan menemui kegagalan.

Corak pengurusan masa yang diamalkan oleh seseorang pelajar sebenarnya merupakan faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka. Kejayaan pelajar mengurus masa mereka dengan baik menentukan sejauhmana kejayaan mereka dalam akademik. Pengurusan masa yang baik membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka manakala bagi pelajar yang kurang menitikberatkan pengurusan masa yang sistematik mereka sukar membahagikan masa mereka di antara aktiviti akademik dengan aktiviti-aktiviti yang lain.

Para ilmuan berpendapat pelajar perlu mengetahui kemahiran pengurusan masa yang berkesan di dalam proses pembelajaran supaya pelajar dapat menghasilkan prestasi akademik yang baik. Menurut Tengku Asmadi (1999), pelajar perlu bijak menguruskan masa mereka agar dapat diseimbangkan antara aktiviti mengulangkaji pelajaran dengan

pelajaran dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Kegagalan mengurus dan mengatur masa dengan berkesan adalah antara faktor kegagalan mereka dalam pelajaran. Keadaan ini seterusnya akan mengakibatkan prestasi akademik mereka berada pada tahap yang rendah.

Lantaran itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti corak pengurusan masa yang berkesan dalam proses meningkatkan pencapaian akademik bagi pelajar di peringkat Sijil Kejuruteraan Elektrik Tahun 2 semester 4 sesi 1999/2000 di Politeknik Kota, Melaka.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, objektif kajian ini ialah :

- 1.4.1 Untuk mengenalpasti corak pengurusan masa dalam kehidupan harian seseorang pelajar yang mempengaruhi gaya belajar mereka.
- 1.4.2 Untuk mengenalpasti hubungan di antara corak pengurusan masa pelajar dengan prestasi akademik mereka.
- 1.4.3 Untuk mengenalpasti kaitan sahsiah diri seseorang pelajar terhadap pembentukan satu corak pengurusan masa.

1.5 Persoalan Kajian

Pada akhir kajian ini, penyelidik akan dapat mengetahui :

- 1.5.1 Apakah corak pengurusan masa pelajar ?
- 1.5.2 Sejauhmanakah tahap pencapaian akademik pelajar berdasarkan bentuk pengurusan masa yang diamalkan ?
- 1.5.3 Bagaimanakah pengaruh sikap seseorang pelajar terhadap pembentukan satu corak pengurusan masa ?

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Politeknik Kota, Melaka yang sedang mengambil kursus Kejuruteraan Elektrik Tahun 2 Semester 4. Pelajar kursus Kejuruteraan Elektrik menjadi skop kajian ini kerana sebagai pelajar tahun akhir yang akan menamatkan kursus adalah penting pengurusan masa yang seimbang. Kegagalan dalam mengurus masa dengan berkesan secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam peperiksaan akhir semester.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memberi panduan kepada para pelajar mengenai corak pengurusan masa yang terbaik bagi mereka agar perancangan yang mereka susun dapat dilaksanakan dengan sempurna. Perspektif yang paling dititikberatkan dalam kajian ini adalah dari aspek pembelajaran.

Memandangkan kepentingan corak pengurusan masa yang sempurna akan dapat melancarkan proses pembelajaran dan sekaligus akan dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka, maka menerusi kajian ini penyelidik cuba mencari satu bentuk pengurusan masa yang baik, berkesan, sistematik serta bersesuaian untuk dipraktikkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Semoga dengan maklumat yang diperolehi dari hasil kajian ini akan dapat memberi panduan bagaimana menguruskan masa dengan baik terutamanya dalam proses pembelajaran kepada para pelajar.

1.8 Andaian dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini segala jawapan yang diberikan oleh responden diandaikan benar dan responden jujur memberikan jawapan mereka. Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar Sijil Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota, Melaka. Oleh itu segala maklumat, keputusan dan rumusan hanya benar di Politeknik Kota, Melaka sahaja. Dengan itu keputusan yang diterima tidak mewakili pelajar-pelajar Kejuruteraan Elektrik dari Politeknik-politeknik yang lain selain daripada Politeknik Kota, Melaka.

Corak pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar dilihat melalui prestasi akademik pelajar. Namun begitu, maklumat yang didapati mungkin tidak menggambarkan keseluruhan corak pengurusan masa yang menjadi amalan setiap pelajar.

1.9 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi menerangkan mengenai kandungan kajian ini. Antara istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut :

1.9.1 Kemahiran

Menurut Kamus Dewan (2000), kemahiran adalah kecekapan atau kepandaian yang dimiliki oleh seseorang. Dalam kajian ini, kemahiran bermaksud kecekapan serta kepandaian pelajar-pelajar menguruskan masa mereka.

1.9.2 Pengurusan

Menurut Brech (1957), pengurusan adalah merupakan satu aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu perusahaan, organisasi atau individu berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturan juga tanggungjawab dan tugas-tugas tertentu. Dalam kajian ini, pengurusan bermaksud pelajar mengurus masa mereka dalam melakukan sesuatu aktiviti sama ada aktiviti akademik atau bukan akademik.

1.9.3 Masa

Menurut Kamus Dewan (2000), masa adalah waktu, ketika atau jangka waktu yang tertentu (ada permulaan serta batasnya). Dalam kajian ini, masa merupakan suatu perkara yang perlu di ambil perhatian oleh pelajar.

1.9.4 Proses Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (2000), proses pembelajaran adalah satu siri tindakan yang dilakukan untuk menghasilkan atau mencapai maklumat dan kemahiran melalui kaedah tertentu. Dalam kajian ini, proses pembelajaran adalah merupakan satu proses di mana pelajar menerima maklumat, memahaminya dan kemudian menggunakan maklumat tersebut.

1.9.5 Perancangan

Menurut Ghazali (1985), perancangan adalah merupakan suatu aktiviti yang melibatkan aktiviti dan menentukan tindakan masa depan bagi penggunaan secara optimum. Dalam kajian ini, perancangan membawa maksud rancangan yang diatur dan disusun oleh pelajar dalam melaksanakan jadual pembelajaran atau aktiviti mereka.

1.9.6 Prestasi

Menurut Kamus Dewan (2000), prestasi adalah hasil atau pencapaian yang telah diperolehi. Dalam kajian ini prestasi bermaksud keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh pelajar iaitu CGPA.

1.9.7 Akademik

Menurut Kamus Dewan (2000), akademik adalah bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam). Dalam kajian ini akademik bermaksud pencapaian matapelajaran pelajar-pelajar.

1.9.8 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (2000), pelajar adalah mahasiswa dan mahasiswi yang memperdalamkan pengetahuannya di sesebuah Institut Pengajian Tinggi. Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan adalah individu yang mengikuti kursus yang ditawarkan di Politeknik Kota, Melaka.

1.9.9 Sikap

Menurut Aiken (1976), sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang. Dalam kajian ini sikap merujuk kepada sikap positif atau negatif pelajar terhadap sistem pengurusan masa mereka.



BIBLIOGRAFI

1. Abd. Ghani Awang (1996). "Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Azmi Abd. Hamid, Zuraidah Mohd Sanusi, Saidul Sahri Alkamal dan Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman (2002). "Gaya Belajar, Kemampuan Intelektual Dan Gelagat Sosial : Satu Kajian Awal Terhadap Pelajar-Pelajar Melayu Yang Cemerlang". Universiti Teknologi Mara : Tesis.
3. Barrass, R. (1984). "Study A Guide To Effective Study". Revision & Examination Technique. Harvard Educational Review. Vol. 55. 496.
4. Ismail Ahmad (1995). "Siri Pembelajaran Berkesan". Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
5. Kathleen, C. (1997). "Using School Time Productively". N. J. : Prentice-Hall
6. Khadijah Bt Md. Ali (2000). "Keberkesanan Pengurusan Masa Di kalangan Pelajar Diploma Senibina (Satu Tinjauan Di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah)". Institut Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis.
7. Khairul Anuar Ahmad (1996). "Pengurusan Masa Menurut Islam". Kuala Lumpur : Al – Hidayah.
8. Merry, R. (1965). "Pressure On The Presidency". Harvard Business School.
9. Noraini Ahmad (1994). "Pengurusan Masa : Bagaimana Meleraikan Diri Daripada Perangkap Masa". Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.

10. Norhida Abd. Halim dan Zurina Pieei (1994). "Pengurusan Masa Berkesan Hebat". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
11. Omardin Ashaari (1998). "Pengurusan Masa". Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
12. Omardin Ashaari (1999). "Pengurusan Sekolah". Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
13. Padilah Hj. Ali (1994). "Teknik Belajar Untuk Kejayaan". Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Pernet, R. (1989). "Effective Use Of Time Management". Great Britain : Belmont Press
10. Syaiful Baharee Jaafar (2000). "Tinjauan Terhadap Kemahiran Pengurusan Masa Dalam Proses Pembelajaran Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn". Institut Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis.

INTERNET

1. <http://alperes.tripod.com/tbelajar.htm>
22 Februari 2002
2. <http://www.geocities.com/Athens/Sparta/9780/pengurusan.htm>
22 Februari 2002
3. <http://members.tripod.com/bijakcemerlang/motivasi.htm>
14 Mac 2002